

18/02/1998

Universiti Multimedia bekal pekerja intelek

Hizral Tazzif Hisham

MALAYSIA memerlukan kira-kira 7,000 pekerja berpengetahuan setiap tahun bagi memenuhi keperluan guna tenaga kerja dalam industri multimedia tempatan yang dibentuk melalui Koridor Raya Multimedia (MSC), kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir menganggarkan Malaysia memerlukan kira-kira 35,000 pekerja intelek dalam masa lima tahun selepas MSC beroperasi yang mana kebanyakannya akan dibekalkan oleh institusi pengajian tinggi tempatan.

Menurutnya, Universiti Multimedia (MMU) yang sedang dalam proses pembinaan di kawasan seluas 80 hektar di Cyberjaya dijangka dapat menampung sebahagian daripada keperluan guna tenaga manusia.

"MMU akan menjadi universiti swasta pertama di negara ini yang memberi penekanan khusus dalam bidang berkaitan multimedia untuk melahirkan masyarakat bermaklumat," katanya di Kuala Lumpur, minggu lalu.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis menandatangani perjanjian pembinaan MMU yang diuruskan Universiti Telekom Sdn Bhd, anak syarikat Telekom Malaysia menerusi kerjasama Konsortium MEPS Joint Venture dianggotai MKN Holdings Sdn Bhd, Eastbourne Corporation Berhad, Projass Engineering Bhd, Shorefield Holdings.

Perdana Menteri menyaksikan majlis menandatangani perjanjian itu. Turut hadir ialah Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Razak dan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie di Kuala Lumpur, minggu lalu.

Pada majlis itu Datuk Mohamed Said Mohamed Ali mewakili Telekom Malaysia, manakala Konsortium MEPS diwakili pengerusinya, Datuk Mustahpa Kamal Abu Bakar.

Dr Mahathir berkata, kita akan berusaha sedaya upaya untuk memastikan tahap pengajian di MMU setaraf dengan universiti terkemuka lain di dunia.

Beliau berkata, dengan cara itu saja MMU mampu menarik lebih ramai pelajar dari luar negara dan membantu kerajaan menjadikan negara ini pusat kecemerlangan ilmu.

Sementara itu, Ketua Eksekutif Telekom Malaysia Bhd (Telekom Malaysia), Mohamed Said, berkata pengambilan pertama pelajar MMU akan dilakukan pada Oktober tahun ini.

"Bagi fasa awal, kita boleh menampung antara 2,000 hingga 5,000 pelajar manakala bilangan penuntut dapat dipertingkatkan kepada 10,000 apabila keseluruhan universiti itu siap sepenuhnya," katanya.

Menurutnya, sebanyak R600 juta diperuntukkan untuk pembinaan universiti itu yang sebelum ini ia berjumlah RM350 juta tetapi tidak mencukupi. Fasa pertama akan disiapkan pada akhir Ogos tahun ini dan fasa kedua Februari tahun depan.

"Sebanyak RM250 juta diperlukan untuk menyediakan kemudahan pembelajaran yang lebih canggih untuk memperlengkapkan lagi kemudahan di universiti berkenaan," katanya.

Beliau berkata, sebagai langkah memenuhi keperluan guna tenaga MSC kira-kira 20,000 penuntut akan ditampung pada satu-satu masa oleh Unitele dan MMU dalam tempoh lima tahun operasinya.

(END)